



TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**PROGRAM JKR GREENDAY 2025
*“GREEN GENERATION EMPOWERING CHANGE”***

**5 NOVEMBER 2025 |RABU| 9.00 PAGI
DEWAN SRI SIANTAN
PUTRAJAYA**

<<< Salutati akan diberikan oleh Urusetia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia atas penganjuran JKR Green Day 2025 yang bertemakan “Green Generation, Empowering Change.”
2. Program ini, yang kini menjadi acara dwi-tahunan tetap dalam takwim JKR, mencerminkan komitmen berterusan jabatan terhadap agenda kelestarian nasional. Ia bukan sekadar sebuah program, tetapi manifestasi kesungguhan untuk memperkukuh kefahaman, memperluas kesedaran dan menggerakkan tindakan kolektif dalam memperjuangkan masa depan yang lebih hijau dan lestari.

GREEN GENERATION: EMPOWERING CHANGE

Hadirin yang saya hormati,

3. Tema “Green Generation, Empowering Change” membawa makna yang sangat besar. Ia bukan hanya slogan, tetapi suatu seruan

nasional yang menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk menjadi agen perubahan demi kelangsungan bumi yang kita warisi.

4. Generasi Hijau melambangkan masyarakat yang sedar, bertanggungjawab dan berani bertindak demi memelihara kelestarian alam. Ia merangkumi setiap lapisan rakyat daripada pelajar, profesional, warga kerja awam hingga masyarakat umum, semuanya memainkan peranan penting dalam membentuk budaya kehidupan yang lestari dan berdaya tahan ; dan setiap tindakan kecil yang dilakukan, akan membawa kesan besar kepada bumi dan generasi masa depan.

CABARAN GLOBAL: PERUBAHAN IKLIM DAN TINDAKAN KOLEKTIF

5. Dunia kini berdepan krisis iklim yang mengancam kehidupan dan pembangunan sejagat. Malaysia komited menghadapi cabaran ini melalui Perjanjian Paris, Conference of the Parties (COP), dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara bagi mempercepat peralihan kepada tenaga bersih.
6. Kita berpegang kepada prinsip “Leave No One Behind” dan menyasarkan pengurangan karbon 45% menjelang 2030, serta sifar bersih menjelang 2050. Sebagai Pengerusi ASEAN 2025,

Malaysia terus memacu agenda hijau melalui kerjasama tenaga boleh baharu dan kewangan mampan.

7. Malaysia tidak sekadar menyesuaikan diri dengan perubahan dunia – kita berazam menjadi peneraju ke arah masa depan hijau, lestari dan sejahtera.

INFRASTRUKTUR LESTARI: TANGGUNGJAWAB DAN PELUANG

Hadirin sekalian,

8. Dalam konteks pembangunan negara, infrastruktur merupakan tunjang utama kemajuan. Namun, pembangunan yang pesat mesti diseimbangkan dengan tanggungjawab terhadap pemeliharaan alam sekitar. Di sinilah terletakanya peranan penting JKR Malaysia sebagai agensi teknikal kerajaan yang menerajui pembinaan infrastruktur hijau dan berdaya tahan.
9. Usaha JKR dalam menerapkan reka bentuk hijau, audit tenaga, pemantauan jejak karbon dan pengurusan sisa binaan membuktikan bahawa pembangunan fizikal dan kelestarian alam boleh digerakkan seiring. Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan

kesan terhadap alam sekitar, malah meningkatkan nilai sosial, ekonomi dan kebolehdayaan jangka panjang sesuatu projek.

10. Dalam era Revolusi Industri 4.0 dan peralihan kepada ekonomi rendah karbon, sektor pembinaan perlu menjadi peneraju inovasi hijau, mengguna teknologi baharu, bahan binaan mampan dan sistem pintar yang meminimumkan pelepasan karbon serta memaksimumkan kecekapan sumber.

PERKONGSIAN TANGGUNGJAWAB: SEMUA PIHAK BERPERANAN

11. Usaha ke arah kelestarian tidak mungkin berjaya tanpa kerjasama semua pihak – kerajaan, industri, akademik dan komuniti. Saya menyeru agar kita bersama memperkukuh kolaborasi, berkongsi idea dan mencipta inovasi demi kesejahteraan rakyat serta kelangsungan bumi.

INSPIRASI UNTUK TINDAKAN: DARIPADA ILMU KEPADA AMAL

Hadirin yang saya hormati,

12. Program JKR Green Day bukan sekadar ruang wacana, tetapi medan tindakan. Inilah platform terbaik untuk menyemai kesedaran, memperluas pengetahuan dan memperkukuh iltizam kita untuk berubah.

13. Saya yakin ramai di antara kita telah mula melaksanakan amalan hijau dalam kehidupan dan pekerjaan seharian. Namun, cabaran sebenar adalah memastikan inisiatif ini bersifat menyeluruh, sistematik dan mampan, bukan hanya bersifat sementara.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

14. Marilah kita menjadikan **JKR Green Day 2025** sebagai titik tolak memperkuat komitmen terhadap pembangunan hijau dan kelestarian nasional. Kemampanan bukanlah pilihan, tetapi keperluan. Ia adalah tanggungjawab moral dan amanah kepada generasi akan datang.
15. “Green Generation” adalah simbol harapan baharu Malaysia — generasi yang berfikir jauh, bertindak bijak, dan berani mencipta perubahan untuk bumi yang lebih lestari.
16. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh warga JKR atas dedikasi dan komitmen yang ditunjukkan dalam menjayakan program ini. Dengan penuh sukacita, saya merasmikan JKR GREEN DAY 2025.